

Tingkat keupayaan

KUALA LUMPUR 17 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri ~~Dr. Mahathir Mohamad~~ berkata, umat Islam harus meningkatkan keupayaannya di dalam semua bidang bagi memastikan mereka menjadi satu kumpulan masyarakat yang kuat.

Katanya, kalau suatu masa dahulu terdapat kuasa yang terdiri daripada negara Islam yang dapat menjamin bahawa umat Islam di mana juga mendapat keadilan tetapi sekarang ini umat Islam ditindas dan tidak ada satupun yang dibuat untuk menolong.

“Inilah yang menjadi satu cabaran kepada umat Islam...sepatutnya kita menguasai segala ilmu yang akan memberi kekuatan kepada kita dan juga akan meyakinkan kepada kita tentang kebesaran Tuhan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Festival Tamadun Islam, di sini, hari ini ketika diminta mengulas mengenai cabaran yang dihadapi oleh umat Islam masa kini.

Dr. Mahathir berkata, walaupun kejasama di antara

dalam semua bidang

UUM 15 JUN 2014
negeri atau masyarakat Islam akan menambah sedikit kekuatan tetapi ia tidak akan mencukupi jika umat Islam sendiri tidak berusaha menambah keupayaan mereka di dalam semua bidang.

Selain itu, tegasnya, umat Islam haruslah memegang prinsip bahawa umat Islam adalah bersaudara.

“Tetapi sekarang ini kita lihat dalam sebuah negeri orang Islam sesama orang Islam berbunuh untuk merebut kuasa..ini bukan disuruh oleh agama Islam,” katanya.

Mengenai peranan Pertubuhan Negara Islam (OIC), Perdana Menteri berkata, pertubuhan itu tidak dapat menjalankan peranannya dengan berkesan kerana anggotanya terdiri daripada negara Islam yang lemah.

“Selain itu negara anggota juga gagal mencapai persetujuan walaupun berkenaan dengan perkara yang tidak kontroversi...ini yang menyebabkan OIC tidak efektif.” katanya.